

ورتا قنرغن *Warta Penerangan*



NOVEMBER 2017





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Poster Jubli Emas terbitan Jabatan Penerangan	5-6
Program Perkampungan Sivik pupuk semangat Melayu Islam Beraja	7
Dedahkan struktur pentadbiran kerajaan dan perkembangan terkini Wawasan Brunei 2035	8
Kenali Adat Istiadat Negara	9
Tingkatkan kesedaran tangani jenayah siber	9
Peserta Perkampungan Sivik sertai kempen kebersihan	10
AITI terima kunjungan rombongan pegawai dari Republik Singapura	11
Rombongan Program Pertukaran Republik Singapura akhiri lawatan	12
Aktiviti Jabatan Penerangan di bulan November 2017	13
Program Masyarakat Bermaklumat barigakan perkembangan, usaha kerajaan	14
Peserta Program Masyarakat Bermaklumat lawat JAIN	15
Program Masyarakat Maklumat dedahkan peserta berbagai pengetahuan	16
Program Sua Muka barigakan maklumat semasa	17
Program RRP suntik semangat kenegaraan golongan remaja	18
Taklimat bayaran gaji dua kali sebulan	19
Program Sua Muka fokuskan pembarigaan maklumat semasa	20-21
Program Rakan Remaja Penerangan bentuk minda pelajar positif	21
Terus barigakan maklumat semasa kepada rakyat	22
Senarai Pegawai dan Kakitangan yang mengikuti Taklimat/ Kursus/ Bengkel bulan November 2017	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.



50 HUBUNGAN RAJA DAN RAKYAT Tiada Tembok Pemisah

KHAMIS,
14 MUHARRAM 1439/
5 OKTOBER 2017

Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan



TARIKH 5 Oktober 2017, negara menyaksikan satu lagi peristiwa penuh adat istiadat dan gilang-gemilang. Bandar Seri Begawan dipenuhi dengan puluhan ribuan rakyat jelata dan penduduk bagi menyaksikan payung negara yang dicintai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Sambutan Jubli Emas baginda Menaiki Takhta. Dengan menaiki Usongan Diraja bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta diiringi oleh paduka-paduka anakanda serta kerabat diraja bersama Alat-alat Kebesaran Diraja Brunei yang digunakan sejak turun-temurun. Sambutan ini adalah sangat besar artinya, sebagai cara untuk menghargai sejarah kerana sejarah adalah 'lidah' zaman yang akan berkata-kata kepada generasi demi generasi dan ristaan sejarah kegemilangan pemerintahan, malah turut menandai kekukuhan institusi raja negara ini dengan terus mengekalkan identiti, budaya dan adat resam orang Brunei.



50 HUBUNGAN RAJA DAN RAKYAT Tiada Tembok Pemisah

KHAMIS,
14 MUHARRAM 1439/
5 OKTOBER 2017



Ribuan rakyat dan penduduk dari segenap lapisan masyarakat hadir bagi menyaksikan sendiri detik bersejarah Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta.



Program Perkampungan Sivik pupuk semangat Melayu Islam Beraja

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam di majlis penutup.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 November. - Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Ke-2, 2017 menutup tirainya dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada 26 peserta yang diadakan di Bilik Serbaguna, Kompleks Sungai Kebun.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah yang diadakan sejak 29 Oktober ini adalah untuk memupuk dan menanam semangat kenegaraan yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja di samping memberikan ruang untuk berbincang dan memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang.

Semasa mengikuti program ini para peserta telah didedahkan dengan berbagai aktiviti, lawatan dan ceramah.

Menurut Awang Muhammad Azizan bin Abdul Razak selaku wakil peserta dalam ucapan penghargaan berkata, program yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan tersebut banyak memberikan mereka ilmu dan pengetahuan yang berguna sentiasa taat kepada Allah, setia kepada Raja dan cinta kepada negara melalui susunan program yang dikendalikan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta program.



Awang Muhammad Azizan bin Abdul Razak yang mewakili peserta program ketika berucap pada majlis tersebut.

Dedahkan struktur pentadbiran kerajaan dan perkembangan terkini Wawasan Brunei 2035

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi / Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



SEBAHAGIAN daripada peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Ke-2 2017 ketika menghadiri taklimat pada program tersebut.

Menurut Dayang Hajah Hamsah, selaku rakyat dan penduduk di negara ini kita hendaklah sentiasa bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia-Nya yang memberikan sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera di bawah kepimpinan Ulil Amri iaitu seorang Raja yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kemudian dalam taklimat yang bertajuk Wawasan Brunei 2035, para peserta Program Perkampungan Sivik telah diterangkan mengenai kepentingan Wawasan 2035 agar masyarakat di negara ini dapat bersedia terutama dalam mengharungi cabaran masa hadapan demi menikmati masa depan yang cerah dan harmoni.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas II, Sekretariat Wawasan 2035, Dayang Amalina binti Haji Tengah yang antara lain menjelaskan bahawa menjelang Wawasan 2035, masyarakat di negara ini diharap akan lebih maju dan berkemahiran dalam pelbagai bidang serta taraf kehidupan yang bertambah baik dan ekonomi yang kukuh.

Dalam sesi tersebut para peserta berkesempatan menyuarakan pandangan dan mengajukan soalan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - 26 peserta yang mengikuti Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Ke-2, 2017 terus dedahkan dengan berbagai pengetahuan dan pengalaman yang berguna menerusi dua taklimat yang berasingan pada hari keempat program diadakan. Taklimat berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat Bawah, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Pada taklimat pertama disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya bertajuk 'Struktur Pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam'



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya ketika menyampaikan taklimat pada program tersebut.



Pegawai Tugas-Tugas Khas II, Sekretariat Wawasan 2035, Dayang Amalina binti Haji Tengah semasa menyampaikan taklimat 'Wawasan Brunei 2035'.

Kenali Adat Istiadat Negara

Oleh: Aimi Sani / Foto: Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 November. - Para peserta yang mengikuti Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Ke-2, 2017 terus didedahkan dengan pelbagai maklumat sama ada menerusi taklimat mahupun siri lawatan.

Dalam rangka lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara, mereka telah diterangkan dengan lebih dekat lagi mengenai Adat Istiadat Brunei, susun atur dan kedudukan pembesar-pembesar negara.

Taklimat mengenai Adat Istiadat Brunei tersebut disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awang Haji Hanafiah bin Awang Haji Hamdan.

Selain mendengarkan taklimat, para peserta juga berpeluang melawat ke Bangunan Lapau.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik semasa melawat ke Jabatan Adat Istiadat Negara.

Tingkatkan kesedaran tangani jenayah siber

SUNGAI KEBUN, Khamis, 2 November. - Para peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Ke-2, 2017 hari ini mendengarkan Taklimat Mengenai Jenayah Siber: Risiko dan Bahaya Media Sosial bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun di sini.

Ceramah disampaikan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya, Dayangku Hazirah binti Pengiran Mohd Yusof dan Aminuddin Zaki Rahman.

Taklimat tersebut juga merupakan inisiatif Bahagian Keadilan Jenayah di Jabatan Peguam Negara dalam usaha mereka untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya teknologi dan media sosial yang sekarang ini semakin luas penggunaannya dalam era yang serba mencabar ini.

Antara topik yang dibincangkan ialah mengenai maklumat peribadi yang terlalu banyak dalam talian, yang memudahkan penjenayah siber mengeksploitasi untuk melakukan suatu kesalahan.

Juga disentuh beberapa kes jenayah siber yang telah didakwa di negara ini termasuk mesej viral serta menyebarkan maklumat palsu.

Berita dan Foto: Aimi Sani



TAKLIMAT Mengenai Jenayah Siber: Risiko dan Bahaya Media Sosial turut menarik perhatian para peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah.

Bahagian Keadilan Jenayah, Jabatan Peguam Negara sangat mengalu-alukan pihak sekolah dan institusi pendidikan menghubungi mereka bagi menyampaikan ceramah dalam sama-sama membarigakan topik yang berkaitan.

Peserta Perkampungan Sivik sertai kempen kebersihan

Berita dan Foto: Marlinawaty Hussin

BKHAMIS, 2 November. - Kawasan letak kereta dan sekitar Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun menjadi tumpuan kempen kebersihan yang melibatkan 27 peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Ke-2, 2017.

Kempen berkenaan turut disertai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara merangkap Ketua Kampung Limau Manis, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari@Jahari dan Ketua Kampung Lupak Luas/Tarap Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtar.



KETUA Kampung Lupak Luas/Tarap Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtar semasa menyertai kempen tersebut.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara merangkap Ketua Kampung Limau Manis, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari@Jahari turut menyertai kempen kebersihan.

Beliau turut mencadangkan agar pihak tertentu dapat memperkuatkan lagi akta pembuangan sampah dengan mengenakan denda kepada sesiapa yang membuang sampah dengan sewenang-wenangnya.

Sementara itu, Penghulu Perkampungan Sivik, Awang Azizan bin Abdul Razak yang juga lepasan Ijazah Komunikasi Profesional dari Universiti Brunei Darussalam menyarankan agar rakyat dan penduduk di negara ini sama-sama menyumbang dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang lebih sihat, bersih dan hijau.

Kempen kebersihan tersebut turut dibantu oleh Jabatan Bandaran yang menyediakan fasiliti perkhidmatan pembuangan sampah.

Aktiviti gotong-royong itu merupakan kerjasama warga Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lupak Luas dan Tarap Bau, Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung berkenaan dan warga Jabatan Penerangan.

Awang Haji Suhaili ketika ditemui berkata, kempen kebersihan sedemikian perlu lebih kerap diadakan seperti setiap dua kali sebulan pada waktu yang sesuai dengan melibatkan penduduk kampung sekitar.



AWANG Azizan bin Abdul Razak sokong kempen kebersihan terus diadakan.

AITI terima kunjungan rombongan pegawai dari Republik Singapura

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 November. - Para pegawai dari Republik Singapura yang mengikuti Program Pertukaran dalam bidang Penyiaran dan Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura telah membuat lawatan ke Pihak Berkuasa Teknologi Info-Komunikasi (AITI) di Anggerek Desa.

Rombongan seramai lima orang diketuai oleh Timbalan Pengarah (Messaging and Engagement), Kementerian Perhubungan dan Penerangan Republik Singapura, Shaker Stationwala.

Semasa lawatan, rombongan telah berpeluang mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pengurus Perhubungan Korporat AITI, Dayang Hajah Adina Hazri binti Haji Azahari mengenai fungsi, misi dan AITI iaitu sebagai pengawal selia telekomunikasi, pengurus spektrum frekuensi radio negara dan pemaju industri info-telekomunikasi (ICT) Brunei Darussalam.

Sesi taklimat juga diteruskan dengan soal jawab, perkongsian maklumat dan pertukaran pendapat mengenai perkembangan ICT di antara kedua buah negara.



PESERTA Program Pertukaran dalam bidang Penyiaran dan Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura semasa membuat lawatan ke Pihak Berkuasa Teknologi Info-Komunikasi (AITI) di Anggerek Desa.

Sepanjang keberadaan di negara ini, rombongan juga telah berpeluang melawat ke beberapa buah agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi memberikan pendedahan serta berkongsi maklumat tentang peranan dan fungsi masing-masing selaku telinga, mata dan lidah kerajaan dua-dua negara ke arah memelihara, meningkatkan dan mencemerlangkan imej Raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa.



ROMBONGAN Pegawai-Pegawai Program Pertukaran MoU di bidang Penyiaran dan Penerangan Brunei Darussalam - Singapura menerima cenderahati dan bergambar ramai bersama pegawai-pegawai AITI.

Rombongan Program Pertukaran Republik Singapura akhiri lawatan

Berita: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Unit Hal Ehwal Antarabangsa

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 November. – Para pegawai dari Republik Singapura yang mengikuti Program Pertukaran dalam bidang Penyiaran dan Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura menamatkan program mereka selepas berada di negara ini selama empat hari.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas bagi mengucapkan selamat belayar, Pemangku Pengarah Penerangan Awang Mawardi bin Haji Mohammad.


Semasa mengikuti program, delegasi dari Republik Singapura ini telah mengisikan masa mereka dengan berbagai aktiviti selain taklimat dan melawat ke beberapa buah agensi-agensi kerajaan dan swasta di samping melawat beberapa tempat yang menjadi tarikan ramai.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan cenderamata kepada ketua rombongan Republik Singapura sebelum meninggalkan negara.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi berbual mesra bersama rombongan Republik Singapura sebelum meninggalkan negara.




PARA pegawai dari Republik Singapura yang mengikuti Program Pertukaran dalam bidang Penyiaran dan Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura semasa melawat di dua lokasi tarikan pelancong iaitu Kampong Ayer dan Masjid Omar Ali Saifuddien di ibu negara.



Aktiviti Jabatan Penerangan di Bulan November 2017

Majlis Ilmu 2017 sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan KDYMM Ke-71 Tahun




Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439 Hijrah



MAJLIS Dikir Maulud di Masjid Ash Shaliheen.

LATIHAN Dikir Maulud di Taman SOAS.



MAJLIS Dikir Maulud di Masjid Kampong Sungai Hancing.

MAJLIS Dikir Maulud di Masjid Mohammed Bolkih, Kampong Serusop.

Program Masyarakat Bermaklumat barigakan perkembangan, usaha kerajaan

Berita dan Foto: Ak.Syi'aruddin Pg.Dauddin



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat ketika bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

TUTONG, Selasa, 7 November. - Program Masyarakat Bermaklumat merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua masyarakat memahami, menyokong dan menghayati secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Pentadbir Tingkat I, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Rabi'atul'Adawiyah binti Haji A. Ahmad selaku Pengerusi pada Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Luangan Duduk dan Kampung Sinaut yang berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Penyelidikan Pertanian, Kampung Sinaut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya.

Juga hadir ialah Ketua-Ketua Kampung dari Kampung Luangan Duduk, Kampung Sinaut, Kampung Sungai Kelugos, Kampung Kupang, 44 peserta yang terdiri daripada Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung (MPM/MPK) berserta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Program diisikan dengan beberapa taklimat dari berbagai agensi kerajaan seperti Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Jabatan Tenaga dan Perindustrian; Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 serta Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Keusahawanan selain lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN).

Program selama dua hari ini dihasrat untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat di samping menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.



TETAMU kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong semasa hadir pada majlis tersebut.

Peserta Program Masyarakat Bermaklumat lawat JAIN

Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman / Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said



PEGAWAI Adat Istiadat, Haji Hanafiah bin Haji Hamdan semasa menyampaikan taklimat (kiri) sementara sebahagian peserta Program Masyarakat Bermaklumat hadir pada taklimat tersebut (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November.- Para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan yang disertai oleh para penduduk dan Ketua-ketua Kampung dari Kampung Luagan Dudok, Kampung Sinaut, Kampung Sungai Kelugos dan Kampung Kupang mengadakan lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) di ibu negara.

Semasa lawatan para peserta program telah mendengarkan taklimat yang bertajuk 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri 'Bahasa Dalam" yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Haji Hanafiah bin Haji Hamdan.

Dalam taklimat tersebut beliau telah menerangkan mengenai terasul iaitu gabungan nama atau susunan perkataan yang indah dan mulia bunyinya yang dahulu disebut sebelum menyebut nama gelaran (jika ada) kemudian diikuti oleh nama sebenar seseorang.

Tujuan meletakkan terasul di pangkal nama adalah sebagai memuliakan dan memberi penghormatan kepada seseorang dan jangan sampai nama mereka diracak atau terlalu luaran.

Terasul hanya sesuai digunakan dalam satu situasi atau keadaan rasmi atau formal seperti dalam persuratan dan majlis-majlis keraian baik yang beristiadat mahupun yang biasa.

Selepas mendengarkan taklimat, para peserta Program Masyarakat Bermaklumat dibawa melawat ke Bangunan Lapau.

Antara peristiwa penting yang berlangsung di Bangunan Bangunan tersebut ialah Majlis Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, pada 1 Ogos 1968.



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat semasa melawat Bangunan Lapau di ibu negara.

Program Masyarakat Maklumat dedahkan peserta berbagai pengetahuan

Berita dan Foto: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



Para peserta Program Masyarakat Bermaklumat semasa menghadiri dua sesi taklimat dari dua agensi yang berlainan.

TUTONG, Rabu, 8 November. - Penduduk dan Ketua Kampung dari Kampung Luagan Dudok, Kampung Sinaut, Kampung Sungai Kelugos dan Kampung Kupang yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat menghadiri dua taklimat berasingan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan industri pertanian, agrimakanan.

Taklimat Wawasan Brunei 2035 disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Sekretariat Wawasan 2035, Pengiran Khairil Bahriah binti Pengiran Haji Mohd Ali di Bilik Serbaguna Pusat Penyelidikan Pertanian, Kampung Sinaut.

Semasa taklimat para peserta diterangkan mengenai kepentingan Wawasan 2035 agar masyarakat di negara ini bersedia terutama dalam mengharungi cabaran masa hadapan demi menikmati masa depan yang cerah dan harmoni selain lebih maju dan berkemahiran dalam pelbagai bidang serta taraf kehidupan yang bertambah baik dengan ekonomi yang kukuh.

Selepas itu para peserta kemudiannya mendengarkan taklimat 'Peluang-peluang Pelaburan Dalam Sektor Pertanian dan Agrimakanan di Negara Brunei Darussalam', yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Industri Tanaman, Penolong Pengarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Awang Hirman bin Haji Abu.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Sekretariat Wawasan 2035, Pengiran Khairil Bahriah binti Pengiran Haji Mohd Ali semasa menyampaikan taklimat Wawasan Brunei 2035.

Awang Hirman antara lain berkata Industri Pertanian dan Agrimakanan adalah salah satu sektor utama yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Eksport dan Kepelbagaian Ekonomi.

KETUA Bahagian Industri Tanaman, Penolong Pengarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Awang Hirman bin Haji Abu semasa menyampaikan taklimat.



Program Sua Muka barigakan maklumat semasa

Berita dan Foto:
Haji Ariffin Mohamad Noor/Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November.- Program Sua Muka yang diungkayahkan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Jabatan Penerangan diteruskan lagi dengan berkunjung ke rumah Pemangku Penghulu Mukim Saba, Ketua Kampung Saba Darat 'B', Pemangku Ketua Kampung Pakilong Muara/ Kampung Setia Pahlawan Lama dan Pemangku Ketua Kampung Saba Tengah/Kampung Saba Ujong, Awang Haji Mayalin bin Haji Saat.



ROMBONGAN Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Pemangku Penghulu Mukim Saba, Ketua Kampung Saba Darat 'B', Pemangku Ketua Kampung Pakilong Muara/Kampung Setia Pahlawan Lama dan Pemangku Ketua Kampung Saba Tengah/Kampung Saba Ujong, Awang Haji Mayalin bin Haji Saat semasa Program Sua Muka.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A.Ahmad.

Pada program tersebut para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan telah berpeluang mendengarkan permasalahan dan cadangan-cadangan daripada penduduk di kawasan berkenaan yang seterusnya akan disalurkan kepada agensi-agensi dalam kerajaan yang berkaitan, bagi penilaian dan tindakan selanjutnya.

Program yang diungkayahkan ini merupakan usaha berterusan dalam mendekati dan membarigakan maklumat semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui institusi penghulu dan ketua kampung mengenai dasar dan maksud kerajaan, agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan siri lawatan yang dengannya akan dapat memantapkan hubungan yang sedia terjalin antara kerajaan dengan rakyat.

Turut disentuh dalam perjumpaan itu ialah mengenai penggunaan bendera negara dengan betul, kain rentang dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.



PEMANGKU Penghulu Mukim Saba, Ketua Kampung Saba Darat 'B', Pemangku Ketua Kampung Pakilong Muara / Kampung Setia Pahlawan Lama dan Pemangku Ketua Kampung Saba Tengah/Kampung Saba Ujong, Awang Haji Mayalin bin Haji Saat semasa menerima kunjungan pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan.

Program RRP suntik semangat kenegaraan golongan remaja

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi / Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



PARA peserta Program Rakan Remaja Penerangan berserta tetamu kehormat majlis, tenaga pengajar dan pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan ketika menyanyikan lagu kebangsaan di program berkenaan.



SEBAHAGIAN daripada pelajar yang terlibat membuat persembahan pada program tersebut.

Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya dalam taklimatnya yang bertajuk 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' menekankan bahawa bendera negara tidak boleh digunakan bagi tujuan iklan dalam apa cara jua pun.

Tegasnya sebarang tanda, huruf, perkataan, rajah, bentuk lukisan atau lambang selain lambang yang ada pada masa ini tidak boleh diletakkan pada bendera.

Tambahnya, bendera tidak boleh sesekali menyentuh sebarang benda di bawahnya misalnya lantai, tanah, air dan sebagainya.

Program turut diserikan dengan persembahan gulintangan dan tarian daripada para pelajar sekolah berkenaan serta dimeriahkan dengan lawak jenaka.

RIMBA, Isnin, 13 November. - Lebih 200 pelajar Tahun 9 dan 10 Sekolah Menengah Rimba II mengikuti Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang dianjurkan oleh Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Sekolah Menengah Rimba II.

Program bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral yang positif.

Hadir sebagai tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan, Dr. Habibah binti Haji Sion.



PEMANGKU Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan, Dr. Habibah binti Haji Sion semasa hadir pada program tersebut.

Taklimat bayaran gaji dua kali sebulan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 November.- Warga Perkhidmatan Awam dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di bawahnya akan terlibat dalam inisiatif pembayaran gaji dua kali sebulan apabila ia mula diperkenalkan secara rintis bermula Januari 2018.

Dalam meningkatkan pemahaman warga Perkhidmatan Awam yang terlibat tidak terkecuali pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan menghadiri taklimat mengenainya yang diadakan di Dewan Teater, Kompleks JPM.

Taklimat disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Dasar dan Pelaburan) di Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.



PEGAWAI dan kakitangan lelaki Jabatan Penerangan semasa menghadiri taklimat tersebut.

Katanya pendekatan tersebut dibuat adalah bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan aliran tunai pegawai dan kakitangan untuk membiayai keperluan harian di samping memudahkan perancangan perbelanjaan yang

dengan itu dapat membantu kelangsungan aktiviti komersial dan perekonomian dalam negara dan seterusnya menjadikan ekonomi domestik lebih berdaya tahan.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan perempuan Jabatan Penerangan semasa hadir pada taklimat tersebut.

Program Sua Muka fokuskan pembarigaan maklumat semasa

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi

TEMBURONG, Sabtu 25 November. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong secara berterusan mendekati dan membarigakan maklumat kepada rakyat dan penduduk di segenap pelusuk daerah tersebut melalui institusi penghulu dan ketua kampung dalam siri Program Sua Muka atau turut dikenali dengan 'Personal Contact'.

Program kali ini diadakan di Balai Raya Kampung Batu Apoi, Temburong.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Program bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Daud bin Haji Masri.

Pemangku Pengarah Penerangan dalam ucapannya turut menyentuh mengenai penggunaan bendera negara, kain rentang (banner) dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.

Pada majlis tersebut Awang Mawardi juga menerangkan mengenai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang merupakan salah satu landasan yang boleh disertai oleh penduduk-penduduk kampung secara berkumpulan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan ucapannya semasa program berkenaan.

Manakala itu Ketua Kampung Batu Apoi bersama-sama dengan Penasihat MPK, Awang Haji Mat Jahari bin Jalak; Ahli-ahli MPK turut mengusulkan beberapa pandangan selain beberapa permasalahan termasuk cadangan yang berkaitan dengan prasarana, alam sekitar, perekonomian kampung dan juga kemudahan awam.



Awang Rahmat Shukurillah bin Harith ketika menunjuk cara bagaimana memuat turun aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan kepada salah seorang penduduk.

Pada perjumpaan itu turut diterangkan ialah mengenai Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan iaitu InfoDeptBN yang disampaikan oleh wakil dari Unit Perhubungan Awam dan Media, Awang Rahmat Shukurillah bin Harith.

Dalam pada itu perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung turut diterokai terutamanya tempat dan produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan luar negara melalui penulisan rencana melalui ruangan Kenali Negara Kitani (KNK) yang disiarkan di Pelita Brunei, selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa Program Sua Muka di Balai Raya Kampung Batu Apoi, Temburong.

Program Rakan Remaja Penerangan bentuk minda pelajar positif

Berita dan Foto: Noraisah Haji Mohammed



Wakil Ketua Kluster 6, Kementerian Pendidikan, Dayang Maslinah binti Muhd. Masdi semasa hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan.

KUALA BELAIT, Selasa 28 November. -Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait dengan kerjasama Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA), Kuala Belait mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan di dewan sekolah berkenaan.

Program bertujuan bagi memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif selain untuk mendekati golongan belia serta remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan dipimpin.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Wakil Ketua Kluster 6, Kementerian Pendidikan, Dayang Maslinah binti Muhd. Masdi.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan diikuti Lagu Patriotik 'Bendera Negara' oleh seramai 375 penuntut Tahun 9 dan Tahun 10 sekolah tersebut.

Program turut diselitkan dengan Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selain turut diserikan dengan persembahan nyanyian, persembahan tausyeh dan pidato yang disampaikan oleh pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

Terus barigakan maklumat semasa kepada rakyat

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshid



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad mengongsikan bahan-bahan penerbitan pada Program Sua Muka di kediaman Ketua Kampung Pekan Lama/Kampung Sabun/Kampung Pelumpong/Kampung Serasa dan Kampung Rancangan Perumahan Negara Serasa, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman/Othman di Kampung Sabun, Jalan Perusahaan Muara.

MUARA, Khamis, 30 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meneruskan Program Bersua Muka dengan berkunjung ke kediaman Ketua Kampung Pekan Lama/Kampung Sabun/Kampung Pelumpong/Kampung Serasa dan Kampung Rancangan Perumahan Negara Serasa, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman/Othman di Kampung Sabun, Jalan Perusahaan Muara.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta beberapa pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Program muhibah tersebut merupakan sebuah landasan secara berterusan bagi mendekati dan membarigakan maklumat kepada rakyat dan penduduk di segenap pelusuk negara ini menerusi institusi penghulu dan ketua kampung dan dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan.

Peluang bersua muka ini juga dijadikan wadah untuk menyampaikan maklumat-maklumat terkini dan usaha-usaha kerajaan kepada pemimpin akar umbi untuk dikongsikan bersama penduduk-penduduk kampung.

Semasa kunjungan tersebut beberapa usulan, pandangan dan cadangan telah diutarakan oleh Ketua Kampung bersama-sama dengan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) berhubung dengan prasarana, alam sekitar, kebajikan dan juga kemudahan awam.

Turut diterangkan pada program berkenaan antaranya ialah mengenai penggunaan bendera negara, kain rentang (banner) dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 selain Aplikasi Mudah alih Jabatan Penerangan iaitu InfoDeptBN dan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB).

Senarai pegawai dan kakitangan yang mengikuti Taklimat/ Kursus/ Bengkel Bulan November 2017

Nama	Jawatan	Nama Kursus/ Taklimat/ Bengkel	Tempat	Tarikh
Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A. Ahmad	Pegawai Pentadbir Tingkat 1	Konsep KKC	IPA	7/11/2017
Hajah Hamsah binti Datu Kerna Hj Jaya	Pegawai Penerangan	Konsep KKC	IPA	7/11/2017
Pengiran Emran bin Pg Haji Salleh	Pegawai Luar Penerangan	Konsep KKC	IPA	7/11/2017
Nurzahirah binti Haji Osman	Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat 1	Konsep KKC	IPA	7/11/2017
Muhammad Khaiddir Shah bin Haji Abdul Halim	Pegawai Luar Penerangan	Konsep KKC	IPA	7/11/2017
AK. Hj Ahmad Fadillah Akhbar bin Pg Hj Sellahuddin	Penolong Pegawai Penerangan	Konsep KKC	IPA	7/11/2017
Nordy bin Tabong	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Konsep KKC	IPA	7/11/2017
Mohammad Nor Amirudin bin Haji Brahim	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Konsep KKC	IPA	7/11/2017
Yahya bin Haji Jumat	Pelayan 'Open Vote'	Konsep KKC	IPA	7/11/2017
Haji Dayang bin Haji Kasim	Pegawai Penerangan	Syarah MABBIM Ke-10	Balai Sarmayuda DBP	20/11/2017
Noriah binti Haji Abdul Hamid	Pegawai Penerangan	Syarah MABBIM Ke-10	Balai Sarmayuda DBP	20/11/2017
Ali Termizzi bin Haji Ramlli/ Ramli	Pegawai Penerangan	Syarah MABBIM Ke-10	Balai Sarmayuda DBP	20/11/2017
Mohammad Hisyam bin Haji Idrus	Pegawai Penerangan	Syarah MABBIM Ke-10	Balai Sarmayuda DBP	20/11/2017
Mufidah binti Abdul Hakim	Pegawai Penerangan	Using Key Performance Indicator to Measure Performance	IPA	20 -21/11/ 2017
Hj Mohd Amalul Muttaqin bin Haji Ismail	Penolong Pegawai Penerangan	Using Key Performance Indicator to Measure Performance	IPA	20 -21/11/ 2017
Ezawati Hanim binti Abdullah@ Dk.Nasibah Hanim binti Pengiran Haji Bakar	Pegawai Penerangan	Menjana Kepimpinan Diri	IPA	20 -23/11/ 2017
Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A. Ahmad	Pegawai Pentadbir Tingkat 1	Taklimat Mengenai Proses Tawaran Kerajaan 2017/2018		25/11/2017
Musa bin Mohidin	Pegawai Penerangan	Komunikasi Berkesan	IPA	27 - 29/11/ 2017
Ali Termizzi bin Haji Ramlli/ Ramli	Pegawai Penerangan	Komunikasi Berkesan	IPA	27 - 29/11/ 2017

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**